

14/02/2003

Buniamin Yaakub meninggal dunia

KOTA BHARU: Bekas Ahli Parlimen Bachok, Buniamin Yaakub, 56, meninggal dunia di Hospital Kota Bharu (HKB) di sini pagi semalam, selepas beberapa tahun menghidap sakit buah pinggang.

Buniamin, 56, yang juga Pegawai Penerangan Pas Kelantan meninggal dunia kira-kira jam 6 pagi, di sisi isteri keduanya, Norhayati Ibrahim, 36, selepas dimasukkan ke Wad 10 hospital berkenaan sejak dua minggu lalu.

Setiausaha Badan Perhubungan Pas Kelantan, Wan Ismail Wan Jusoh, berkata Allahyarham sering keluar masuk HKB bagi mendapatkan rawatan sejak kebelakangan ini.

"Kali terakhir Allahyarham dimasukkan ke HKB ialah kira-kira dua minggu lalu apabila keadaannya dilaporkan bertambah teruk," katanya ketika dihubungi semalam.

Allahyarham, yang menjadi Ahli Parlimen Bachok selama dua penggal pada 1990 dan 1995, pernah terbabit dalam kontroversi apabila menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya.

Berikutan itu, Allahyarham didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada 19 September lalu atas tuduhan memfitnah Dr Mahathir tetapi tidak mengaku salah dan minta dibicarakan.

Bagaimanapun, perbicaraannya beberapa kali terpaksa ditangguhkan kerana uzur dan kes itu dijadualkan disambung semula 8 hingga 10 April ini.

Isteri pertama Allahyarham, Sunduyah Omar Salleh, 52, berada di rumah mereka di Kampung Keting, kerana sakit sejak hampir 15 tahun lalu.

Jenazah Allahyarham dibawa dari HKB ke kediaman Norhayati di Kampung Dusun Durian, Bukit Marak, dekat sini, jam 8.30 pagi semalam untuk disembahyangkan sebelum dikebumi di Kampung Keting pada jam 1 tengah hari.

Antara yang menziarahi jenazah ialah Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan pemimpin parti itu.

Sementara itu, Nik Abdul Aziz, menyifatkan pemergian Buniamin sebagai kehilangan kepada Pas terutama di Kelantan, berikutan kegigihannya memperjuangkan dasar parti tanpa menghiraukan masalah peribadi yang dihadapi.

"Bagi pihak parti, saya ingin merakamkan takziah kepada kedua-dua balu dan ahli keluarga Allahyarham atas kehilangan ini.

"Allahyarham adalah pejuang tulen yang tidak pernah merungut mengenai masalahnya, termasuk kemiskinan atau keperitan yang dialami ketika ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dulu.

"Satu lagi perangnya ialah tak kira di mana berada, dia akan sentiasa menelefon saya untuk bertanyakan mengenai ayat tertentu (dalam al-Quran) untuk dijadikan rujukan... itulah kelebihanannya yang jarang ada pada orang lain," katanya.